


# Laporan CSR

Kumpulan Lintec 2014



*Linking your dreams*  
LINTEC Corporation



## Mesej daripada Presiden Korporat

### Hiroyuki Nishio

President and CEO  
LINTEC Corporation

### Dengan penuh keikhlasan disertai semangat pembaharuan, kami meneruskan kegiatan CSR bersifat 'agresif' juga 'defensif'.

Tanggal April 2014, saya telah dilantik sebagai presiden dan CEO. Sehingga kini, sebagai pengarah di Pejabat Perancangan Pengurusan dan juga Pejabat Kemajuan CSR, saya telah melibatkan diri dalam membuat pelan pengurusan jangka sederhana bersama-sama ahli lembaga yang lain sebanyak tiga kali dan juga dalam pengawalan perkembangannya. Perniagaan yang dijalankan oleh Kumpulan LINTEC meliputi bidang yang luas, dan merupakan pengeluar bahan mentah pertengahan yang digunakan dalam produk akhir yang wujud dalam semua aspek kehidupan. Semua pekerja di sini menjalankan kegiatan CSR yang berteraskan 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti' dan saya sekali lagi merasakan kegiatan CSR perlu kekal sebagai asas sesebuah pengurusan.

Pematuhan undang-undang dan menjalankan urusanniaga jujur, seterusnya menghormati hak asasi manusia serta mencipta persekitaran kerja yang mesra merupakan asas perniagaan yang juga merupakan aktiviti CSR yang 'defensif'. Di situ perlu untuk memastikan 'keikhlasan' dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Selain itu, daya 'kreativiti' yang membawa kepada usaha tambah baik yang berterusan akan dapat menghasilkan produk yang mampu menyelesaikan masalah masyarakat dan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Saya mahu berusaha lebih lagi untuk menggiatkan aktiviti CSR yang agresif lagi kreatif serta proaktif sebegini.

### Perubahan 'LIP-III' ke 'LIP-2016' Perancangan penerapan CSR secara menyeluruh dalam syarikat serta perkembangan seterusnya.

Dalam pelan pengurusan jangka sederhana, 'LINTEC INNOVATION PLAN III (LIP III)' yang berakhir pada tahun 2013, salah satu tema penting yang ditekankan ialah 'Menggalakkan aktiviti syarikat yang berteraskan CSR', dan melihatkan banyak perkembangan aktiviti yang pelbagai. Pertama, perkara yang paling besar berkembang ialah usaha ke arah BCMS (Sistem Pengurusan Kesyukuran)

Perniagaan). Walau pada waktu berlakunya peristiwa berbahaya, kelangsungan perniagaan dipastikan dengan mengekalkan sistem bekalan produk utama sambil mengutamakan nyawa. Perkara ini merupakan tanggungjawab syarikat sebagai pembuat bahan mentah pertengahan. Bagi memperkukuh sistem ini, kami bermatlamat membentuk BCMS secara menyeluruh yang berdasarkan piawaian antarabangsa, ISO22301\*.

Seterusnya, bagi mengatasi masalah alam sekitar, 'Pengurangan beban terhadap alam sekitar' dan 'Penggunaan sumber secara efektif' menjadi kata kunci utama. Sejak tahun 2013, matlamat kuantitatif yang terperinci telah diumumkan, dan kegiatan dalam bidang penyelidikan, pembangunan serta pengeluaran terus aktif dan kian menunjukkan hasil yang mantap.

Bagi menggalakkan kegiatan CSR sebegini, pemahaman pekerja yang menjadi tunggak kepada segala aktiviti amatlah penting. Saya sebagai pengarah Pejabat Kemajuan CSR telah menerajui pelbagai aktiviti seperti seminar CSR di dalam dan luar Jepun, perjumpaan sosial CSR yang bertemakan langkah mengatasi masalah sosial menerusi perniagaan dan sebagainya. Hasilnya, saya merasakan bahawa pemahaman bahawa pentingnya CSR dan usaha berkaitan dengannya semakin meningkat dalam seluruh syarikat.

Sejajar dengan perkembangan CSR, 2014 menjadi permulaan bagi pelan pengurusan jangka sederhana baharu 'LIP-2016'. Terdapat lima tema utama 'LIP-2016' iaitu 'Mengembalikan pertumbuhan dengan pengurusan agresif dan inovasi berterusan', 'Penghasilan produk baharu yang menyokong era seterusnya', 'Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama', 'Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik', dan 'Pendidikan sumber manusia'. Dalam tema-tema tersebut, saya menyedari bahawa 'Pendidikan sumber manusia' dan 'Penghasilan produk baharu yang menyokong era seterusnya' merupakan cabaran yang besar dan signifikan pada masa kini.

Bagi merealisasikan matlamat perniagaan, "peningkatan nisbah jualan luar negara sebanyak 40% ke atas", amatlah perlu untuk setiap pekerja termasuklah yang di luar negara untuk mempunyai nilai dan tatacara yang sama. Sebagai sokongan tambahan, "LINTEC WAY" telah diperbaharui, dan garis panduan pematuan telah diterjemah

# Menyatupadukan tenaga semua pekerja Disertai semangat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’ Meneruskan *Monozukuri* yang menyumbang kepada masyarakat

kepada enam bahasa dan diedarkan di negara masing-masing. Selepas ini, saya akan berusaha melalui seminar bagi mengukuhkan sistem tadbir urus global yang juga merangkumi pusat-pusat di luar Jepun yang kian meluas.

## **Bermatlamat untuk menghasilkan produk baharu yang inovatif untuk keperluan masyarakat dengan memanfaatkan keupayaan teknologi yang tersimpan.**

‘Penghasilan produk baharu yang menyokong era seterusnya’ merupakan tema yang tersangat penting dalam memenuhi misi kemasyarakatan melalui bisnes dengan memastikannya sentiasa hidup biarpun dalam 100 tahun akan datang. Kebelakangan ini, dalam mana-mana industri pun berlaku perluasan serta pertindihan bisnes menjadikannya garisan perbezaan kian samar. Bagi menyesuaikan dengan perubahan era ini, saya berhasrat untuk sentiasa tidak terikat dengan pemikiran konservatif dan memikirkan apakah yang terbaik untuk pelanggan, antaranya dengan mencipta mengatasi sempadan mana-mana jabatan syarikat.

Tambahan lagi, bagi memanfaatkan kekuatan kami, ‘Keupayaan teknologi yang tersimpan’ dalam menghasilkan produk baharu, adalah perlu untuk mendapat pendapat daripada luar dan memahami sepenuhnya masalah yang dihadapi masyarakat. Secara butirnya, kami meneruskan seminar CSR bagi meluaskan kesedaran tentang CSR, mengadakan bengkel dengan speaker jemputan daripada luar. Dengan ini syarikat dapat meneruskan aktiviti CSR yang kian penting ini dan kami mendasarkan penciptaan produk baharu yang inovatif tanpa terikat dengan produk sedia ada.

Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, kami telahpun memulakan teknologi menjadikan nanotiub karbon kepada bentuk helaian dan menuju ke arah penggunaan secara praktikalnya pada pertengahan tahun 2016. Terdapat pusat penyelidikan yang baru kami dirikan di Amerika yang sedang berusaha untuk membolehkannya untuk dikeluarkan besar-besaran. Daya penyelidikan dan pembangunan akan diperkukuh dengan lebih lagi seperti fasiliti penyelidikan global dan projek-projek penambah nilai syarikat

termasuklah rundingan luar syarikat.

Bagi memastikan sumber manusia yang terbaik yang memegang-kunci kepada ciptaan ciptaan bernilai sedemikian, saya berharap untuk menerima pendapat-pendapat daripada pekerja-pekerja dengan lebih jelas supaya daripada setiap tempat kerja dan menyediakan persekitaran yang sesuai untuk mendidik generasi yang menggalas LINTEC pada masa akan datang.

## **Moto syarikat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’ sebagai asas dan berusaha melahirkan bisnes baharu bagi memenuhi harapan masyarakat.**

Pengerusi Ouchi (presiden sebelum ini) telah menghebahkan kepentingan CSR bila-bila berpeluang. Melalui gerakan galakan CSR setakat ini telah merapatkan komunikasi dan interaksi antara kumpulan dan melicinkan operasi bisnes. Mulai sekarang juga, saya ingin meningkatkan kesedaran CSR ke seluruh kumpulan LINTEC dan para pekerja menghargai hati dan perasaan pelanggan dan juga manusia, akhirnya terus menjadi syarikat yang berkembang bersama-sama masyarakat seiring pergerakan masa.

Moto syarikat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’ merupakan asas bagi CSR, iaitu pendekatan *monozukuri* dengan penuh keikhlasan dan kreativiti dan mencipta nilai baharu. Moto ini harus diterap dalam jiwa dan menyahut cabaran produk masa dengan dan penciptaan bisnes sambil memenuhi jangkaan para pemegang amanah harta. Laporan ini telah menyimpulkan aktiviti-aktiviti CSR dan perkembangan syarikat sepanjang 2013 supaya lebih mudah difahami. Dengan itu, kami sentiasa mengharapkan kerjasama dan sokongan anda yang tidak putus.

\* ISO22301: Undang-undang piawaian antarabangsa BCMS untuk pelbagai syarikat dan organisasi sebagai persiapan serta langkah berkesan dan efisien untuk diambil sekiranya berlakunya gempa bumi, kebakaran, kelumpuhan sistem IT, krisis bank, kemuffisan syarikat pembekal, pandemik, nahas atau kemalangan.

Rencana



# Demi menjadi syarikat yang mampu berkembang secara lestari Ke arah pembentukan Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Seluruh Syarikat yang Komprehensif (BCMS-K)

Di LINTEC, setiap jabatan dan pusat perniagaan telah merangka BCP\*<sup>1</sup> (Pelan Kesinambungan Perniagaan) yang menetapkan langkah-langkah menghadapi situasi seperti kemalangan besar atau bencana alam yang tidak dapat dijangka.

Berasaskan tersebut, pada tahun 2013 kami menyasarkan untuk membentuk BCMS (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan)\*<sup>2</sup> merangkumi seluruh syarikat bagi memperkuatkan sistem yang membolehkan LINTEC menjadi syarikat yang mampu berkembang secara lestari.

- A: Gudang di ibu pejabat yang menyimpan bekalan makanan dan sebagainya untuk waktu kecemasan
- B, J, K: Latihan kecemasan di ibu pejabat
- C, G: Keadaan sewaktu penilaian dilakukan
- D, E: Mesyuarat jawatankuasa BCMS-K
- F: Kerja memperteguh struktur kilang supaya tahan gempa di Kilang Tatsuno
- H: Mesyuarat bagi penyusunan peraturan
- I: Seminar BCMS-K
- L: Moto syarikat 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti' yang digantung di Kilang Agatsuma



## Kelangsungan syarikat merupakan tanggungjawab sosial yang besar

Rantai bekalan\*<sup>3</sup> yang kian rumit bersama perluasan bidang perniagaan membuatkan pengaruh syarikat kepada masyarakat menjadi lebih besar. Kumpulan LINTEC sebagai pembuat bahan mentah pertengahan juga mempunyai perniagaan yang meliputi pelbagai bidang, sekiranya aktiviti perniagaan ini terhenti, kesan yang besar terhadap masyarakat dapat dijangka. Bagi memenuhi tanggungjawab sosial, sebagai sebuah syarikat, kami menjadikan pembentukan BCP dan seterusnya penggerakannya BCMS sebagai isu utama.

## Kelangsungan syarikat yang sebenarnya memerlukan kerjasama daripada seluruh syarikat

Sejak tahun 2009, dengan mendapatkan kerjasama daripada jabatan-jabatan berkaitan, perangkaan BCP dijalankan dengan jabatan operasi sebagai pusat. Aktiviti tersebut yang diketuai oleh Encik Toru Maki (selepas ini dipanggil sebagai Maki) dari Pejabat Kemajuan CSR yang juga kini merupakan ketua Pasukan Kemajuan BCMS-K menceritakan kisahnya.

“Pada waktu tersebut, maklumat dalam Jepun yang boleh menjadi rujukan masih sedikit menyebabkan perancangan memakan masa yang lama. Namun, di tengah-tengah perangkaan tersebut, kami mengalami Gempa Besar Timur Jepun. Dengan itu, kesedaran bahawa pentingnya BCP dalam syarikat meningkat secara mendadak” –Maki

Masa berlalu dan rangka BCP untuk 6 jabatan telah berjaya disiapkan. Walau bagaimanapun, Encik Sadakazu Morio (selepas ini dipanggil sebagai Morio) dari Pejabat Kemajuan CSR menceritakan halangan yang mereka hadapi bagi menyempurnakan pelan itu sebagai suatu yang praktikal.

“Kami berjaya mengemaskan pelan bagi setiap jabatan dan pusat pengeluaran hingga satu takat, tetapi bagi kelangsungan perniagaan, adalah perlu untuk menjangkau jabatan. Ketika itu, masih belum ada peraturan yang mampu mengatasi rintangan itu.” –Morio

Selepas itu, Maki dan Morio berusaha untuk menyempurnakan BCP dengan melibatkan seluruh syarikat. Meskipun begitu, mereka tidak berakhir dengan BCP, mereka mengkajinya semula berulang kali dan memperbaikinya dan berfikir perlunya untuk mewujudkan BCMS yang lebih baik.

## Melangkah ke arah pembentukan BCMS-K yang turut disertai bahagian jualan

Salah satu cabaran yang dihadapi adalah usaha melibatkan bahagian jualan.

“Di pusat pengeluaran, persediaan dan pemahaman tentang BCP sudah sedia ada. Manakala, ini adalah perkara yang baru bagi pusat jualan”, kata Encik Yoshiyuki Yamato (selepas ini dipanggil sebagai Yamato) dari ibu pejabat Kualiti dan Alam Sekitar, yang banyak terlibat dalam pembentukan BCMS-K.

“Apabila saya mendengar dari Pejabat Kemajuan CSR mereka ingin menjalankannya ke ‘seluruh syarikat’, saya sudah merasakan bahawa ia merupakan sesuatu yang sukar” –Yamato

Walaupun bagaimanapun, Encik Akihiko Ouchi, presiden ketika itu (kini pengerusi) memberi sokongan kepada Maki dan Yamato. Beliau

berkata, “BCMS perlu bagi syarikat untuk memenuhi tanggungjawab sosial, dan tiada satu pusat pun yang terlepas daripada pelaksanaannya. Mari berusaha melakukannya ke seluruh syarikat”.

Pada April 2013, ke arah pembentukan BCMS, akhirnya Pasukan Kemajuan BCMS-K telah ditubuhkan yang terdiri daripada 7 pekerja yang mewakili jabatan masing-masing.

“Saya berpendapat bahawa adalah perlu untuk mendidik pakar dalam syarikat dengan berusaha sendiri sehabis upaya tanpa hanya bergantung pada perunding pakar dari luar. Semestinya pakar yang dihasilkan ini akan menjadi khazanah syarikat pada masa hadapan” –Maki

## Pembahagian ‘Peristiwa Punca’ dan ‘Peristiwa Akibat’ yang menjadi penyelesaian kepada kekusutan.

Pengurus Pejabat Kemajuan CSR ketika itu, Encik Hiroyuki Nishio (kini Presiden), mengeluarkan arahan untuk membentuk BCMS-K selewatnya pada bulan Mac 2014. Pada tahun 2012, ISO22301\*<sup>4</sup> yang berkaitan dengan BCMS telah diterbitkan dan kami bersepakat untuk memanfaatkannya. Dengan menggunakan piawaian, kami berharap untuk menyempurnakan BCMS ini setaraf global dan juga memelihara objektivitinya.

Dalam pasukan ini, Encik Hiroki Aburaya (selepas ini dipanggil sebagai Aburaya) dan Encik Takehiko Nishikawa (selepas ini dipanggil sebagai Nishikawa) dari kumpulan keselamatan alam sekitar dalam Jabatan Keselamatan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk membuat draf peraturan, jadual operasi serta kawalan. Namun, mereka bertembung dengan kesukaran sebaik sahaja mereka bermula.

“BCMS memerlukan pelaksanaan di banyak pusat dan kilang yang sebenarnya. Kami harus berfikir bagaimanakah untuk meningkatkan kecekapan operasi bagi mengelakkan gangguan dalam urusan harian. Sebagai contoh, kami berusaha mencari cara untuk melakukan pemeriksaan yang pelbagai sambil melakukan latihan praktikal atau cara menulis laporan, tetapi maklum balas yang kami terima daripada kilang ialah ‘Sila berikan arahan yang lebih jelas’,” –Aburaya

Selain itu, seperti yang dijangkakan, usaha terhadap bahagian jualan amat sukar pada awalnya. “Saya berasal dari bahagian jualan, maka saya memahami kekeliruan pada pihak mereka”, kata Encik Hitoshi Sueta dari kumpulan hal ehwal am dan pentadbiran, jabatan Hal Ehwal Am dan Guaman.

\*1 BCP: Singkatan kepada ‘Business Continuity Plan’ (Pelan Kesenambungan Perniagaan). Pelan tindakan yang dirangka terlebih dahulu bagi mengurangkan kerugian ke tahap minimum dan memastikan kelangsungan syarikat atau kembali beroperasi dengan kadar segera sekiranya terjadinya kecemasan seperti bencana atau kemalangan.

\*2 BCMS: Singkatan bagi ‘Business Continuity Management System’ (Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan). Kaedah pengurusan untuk operasi sistem bagi memastikan kelangsungan syarikat sekiranya berlaku insiden yang memberi kesan besar terhadap produk atau servis syarikat yang penting dengan memahami keadaan semasa organisasi dan merangka pelan kelangsungan perniagaan, serta mengadakan penilaian keberkesanan pelan melalui latihan praktikal.

\*3 Rantai bekalan: Aliran dari pesanan barang mentah, melalui proses pembuatan, jualan, logistik hinggalah ke pengguna akhir

\*4 ISO22301: → rujuk halaman 3.

"Ia mungkin berbeza-beza mengikut pengurus, tetapi sebelum ini saya tidak pernah berpeluang menyentuh isu BCP atau BCMS. Kini saya perlu berusaha untuk mendapatkan kerjasama daripada mereka yang sedemikian. Sementara itu, saya perlu bersedia untuk menyediakan bahan yang mudah untuk difahami" –Sueta

Seterusnya, dalam menyusun peraturan BCMS itu sendiri, mereka berhadapan dengan masalah yang besar.

"Perkara yang kami harus putuskan adalah sangat besar, dan kami tidak dapat menyusunnya dengan baik. Terlampau banyak situasi yang boleh dibayangkan seperti apakah yang perlu dilakukan jika berlaku bencana, atau jika berlaku peristiwa sebegini atau sebegitu. Apabila kami memikirkan langkah yang perlu diambil untuk situasi masing-masing, semakin banyak kemungkinan yang dapat dibayangkan" –Nishikawa

Dalam menyelesaikan masalah yang muncul ini, cara yang kami ambil ialah membahagikan 'peristiwa punca' dan 'peristiwa akibat'.


"Banyak yang boleh difikirkan untuk punca, tetapi untuk akibat yang mengikutinya, perkara seperti 'Terhadnya jumlah pekerja yang boleh datang ke syarikat' dan 'Barang tidak boleh dihantar' adalah sebenarnya sama. Sehingga itu, kami memikirkannya sebagai 'peristiwa punca', maka penyusunan peraturan menjadi sangat rumit daripada yang sepatutnya. Kami menjadi sedar adalah lebih mudah dengan membahagikan kemungkinan-kemungkinan tersebut kepada 'peristiwa punca' dan 'peristiwa akibat'. Saya juga mendapat tahu bahawa sebenarnya di luar negara terdapat BCP yang membahagikan langkah kelangsungan operasi dan perniagaan mengikut peristiwa punca dan peristiwa akibat." –Yamato

<b>Peristiwa punca</b>	Faktor terperinci yang membawa risiko kepada aktiviti kelangsungan perniagaan syarikat itu sendiri. Antara kemungkinan tersebut ialah bencana alam seperti gempa bumi, taufan, banjir dan yang lain seperti kebakaran, kelumpuhan sistem pengangkutan, putus bekalan elektrik atau talian komunikasi dan banyak lagi termasuklah aktiviti keganasan. Langkah balas perlu diwujudkan dari aspek pencegahan dan pengurangan kesan.
<b>Peristiwa akibat</b>	Faktor yang menyebabkan operasi atau kelangsungan perniagaan menjadi sukar. Perkara yang berlaku hasil dari peristiwa punca. Antaranya kecederaan pekerja, kesukaran datang dan pulang ke tempat kerja, kelumpuhan pemerolehan bahan mentah, berhentinya operasi mesin, terputus komunikasi. Penyebab mungkin berbeza-beza tetapi merupakan masalah yang perlu diatasi. Langkah balas perlu diwujudkan dari aspek operasi dan kelangsungan perniagaan.


## Mengulangi kitaran PDCA dengan latihan praktikal demi meningkatkan tahap keberkesanan BCMS

Namun, pembentukan BCMS tidak hanya terhenti setakat penyusunan peraturan di atas kertas. Pelaksanaan latihan praktikal di setiap peringkat perlu dalam bentuk maklum balas, dengan pemeriksaan keberkesanan langkah yang diambil dan seterusnya pembaikannya. Memetik kata-kata Encik Toshiaki Arai (selepas ini dipanggil sebagai Arai) "Terdapat 2 jenis latihan praktikal iaitu yang melibatkan keseluruhan dan yang dibuat di setiap pusat". Latihan praktikal yang dijalankan di pusat sebagai contoh bukan hanya dilakukan pada siang hari, malah pada malam dan membawa penemuan kepada masalah seperti perlunya lampu suluh disediakan kepada setiap orang. Penemuan sebegini daripada setiap pusat dilaporkan kepada kami memudahkan usaha untuk memperbaiki keberkesanan sistem ini.

Carta alir laporan situasi kecemasan di waktu bencana yang melibatkan kelangsungan perniagaan



## Aliran pembentukan BCMS-K



2012  
Penerbitan Piawaian Antarabangsa ISO22301



Dalam asas kelangsungan perniagaan, tindakan 'duplikasi' turut diulas seperti berikut, "Jika kita ambil pengeluaran sebagai contoh, butiran seperti dari mana untuk mengambil ganti, jika memesan untuk pengeluaran oleh pihak luar, adakah kualiti barang gantian tersebut sama seperti asal. Semua persoalan tersebut mestilah diuji." –Yamato

Beliau bercerita lagi betapa pentingnya menubuhkan 'Majlis BCMS', "Dengan berlangsungnya banyak latihan praktikal, semestinya akan timbul banyak pendapat dan cadangan pembaikan. Majlis BCMS ditubuhkan untuk menyimpulkan semua idea tersebut yang datang daripada seluruh syarikat" –Yamato

Setelah berlalunya pelbagai latihan praktikal dan pengesahan langkah duplikasi, pembentukan organisasi dan kegiatan hasil bersatunya semua pekerja dalam negara, akhirnya tercapailah salah satu daripada matlamat pembentukan BCMS-K. Pensijilan ISO22301 juga berjaya diperoleh. BCMS syarikat ini lahir dari proses cuba dan gagal yang berulang kali menjadikannya penuh dengan pengetahuan sekaligus menjadi rujukan syarikat lain, di mana mereka turut diminta untuk memberikan seminar. Walau bagaimana pun ini tidak bermakna usaha ini berakhir di sini sahaja.

"Apabila hanya sekumpulan kecil manusia merangka dan memahaminya, itu tidak menjadikannya BCMS yang sebenar. Sebaliknya, di situ hanyalah permulaan" –Arai

"Apabila bercakap tentang pencegahan bencana dan kelangsungan perniagaan, ia kedengaran seperti langkah darurat, tetapi pada waktu biasa juga berlaku perkara abnormal biarpun kecil. Sekiranya perkara sedemikian juga dapat diatasi dengan terperinci, peristiwa besar juga menjadi mampu untuk ditangani, dan berkait rapat dengan pembaikan operasi seharian. Saya belajar bahawa BCMS merupakan manual untuk waktu kecemasan dan pada waktu yang sama, menjadikan operasi seharian lebih baik" –Nishikawa

Maki juga mengujar seperti berikut, "Melalui pembentukan BCMS kali ini, kesatuan pasukan dan dalam syarikat telah tersedih, dan saya berharap dapat menyebarkannya ke seluruh syarikat yang ada"

Pembentukan BCMS-K berjaya direalisasikan dalam jangka masa setahun sekaligus mencapai matlamat LINTEC ketika itu. Selepas ini, matlamat seterusnya ialah untuk membentuk sistem pengurusan risiko yang melibatkan syarikat-syarikat dalam kumpulan LINTEC di dalam dan luar Jepun.

## Suara dari setiap pusat dan jabatan berkenaan BCMS

### Jabatan bisnes

Di Jabatan Bisnes Bahan Pengeluaran, seurus selepas Gempa Besar Timur Jepun, pasukan langkah BCP telah segera ditubuhkan bagi penyediaan BCP dari bentuk senario, sumber dan lanjutan. Pada masa yang sama juga, langkah untuk waktu kecemasan juga mula dirangka. Gerakan pembentukan BCMS-K membolehkan ia untuk berkembang daripada sesuai untuk sesebuah jabatan atau pusat kepada sesuai untuk setiap lapisan syarikat. Perkara penting kali ini ialah perkongsian maklumat dan penggunaan kitaran PDCA menjadikannya satu usaha yang berterusan.

#### Rikio Miki

Ketua Bahagian Sokongan Bisnes  
Jabatan Bisnes Bahan  
Pengeluaran\*



### Pusat Jualan

Pada tahun 2013, cawangan jualan Hiroshima telah melaksanakan seminar asas BCMS serta latihan praktikal yang berkaitan bencana dan kelangsungan syarikat. Melalui latihan ini, kami menyedari betapa sulitnya untuk bertindak seperti yang sepatutnya pada waktu kecemasan, maka kami telah menambah perlakuan yang tidak boleh dijangka sewaktu pembuatan manual tersebut. Selepas ini, kami merancang untuk melakukan latihan memadam kebakaran, latihan AED dan sebagainya. Setiap pekerja memainkan peranan mereka dengan baik dan mengusahakan BCMS ini untuk memastikannya ia berterusan.

#### Koichi Nomura

Ketua Unit Operasi  
Cawangan Hiroshima



### Pusat Pengeluaran

Sejak wujudnya persefahaman dalam kawasan kilang tentang kepentingan BCMS, bermulanya pembentukan dan operasinya di kilang Kumagaya. Dengan meletakkan "Nyawa sebagai keutamaan" dan "Kelangsungan syarikat di waktu kecemasan" sebagai asasnya, kami berulang-kali membincangkan cara-cara mengatasi segala kemungkinan untuk melengkapkan rancangan gerakan yang berkesan. Selepas ini, kami akan mengkaji semula dan memperbaiki rancangan tersebut demi menjadikannya sebuah sistem yang lebih stabil.

#### Tosikazu Oshima

Timbalan Ketua Unit  
Unit Operasi Jabatan Korporat  
Kilang Kumagaya



\*Telah dilantik sebagai presiden PRINTEC pada 30 May 2014.

2014


- Penilaian peringkat pertama
- Kajian semula pengurusan

- Pelaksanaan seminar BCMS-K
- Penilaian peringkat kedua
- Audit dalaman

Mac 2014

Mendapat pensijilan  
ISO22301

- Latihan bencana keseluruhan



# Memajukan CSR dengan pelan pengurusan jangka sederhana baharu 'LIP-2016'

Asas kepada CSR dalam kumpulan LINTEC ialah moto syarikat ini iaitu 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti'.

Setiap pekerja menggiatkan aktiviti CSR di bawah moto ini.


## Pelaksanaan CSR menerusi perniagaan utama melalui 'LIP-2016'

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang amanah harta. Bagi memenuhi harapan pemegang-pemegang amanah harta, dengan meletakkan moto syarikat 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti' sebagai asas aktiviti CSR, kami menjalan aktiviti CSR dengan proaktif dan mengikuti 'Attitud Asas CSR' serta 'Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC'.

Tambahan lagi, dalam merealisasikan polisi utama pelan pengurusan jangka sederhana baharu 'LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)' iaitu "Mengembalikan pertumbuhan dengan pengurusan agresif dan inovasi berterusan", ia tidak dapat dilakukan tanpa memajukan CSR. Kami berpendapat bahawa kemajuan CSR berkait rapat dengan pengurusan dan kami berusaha untuk meningkatkan kesedaran ini dalam setiap pekerja.

Kami akan cuba menyediakan bekalan produk yang stabil, menjaga mutu dan memperbaiki perkhidmatan demi memenuhi harapan pelanggan dan memperoleh kepercayaan.

Kami berhasrat untuk menikmati keharmonian di antara kegiatan korporat dan persekitaran global dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.



## 'LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)' (1 April 2014 ~ 31 Mac 2017)

Tanggal April 2014, bermulalah pelan pengurusan jangka sederhana yang baharu untuk tempoh 3 tahun.

'Memacukan perkembangan global' merupakan antara tema penting dalam memperkuat sistem pengurusan Kumpulan LINTEC, juga bagi memenuhi keperluan negara-negara membangun. Kumpulan LINTEC menyertai 'United Nations Global Compact' dan merujuk kepada ISO26000, kami menghasilkan kod etika syarikat bersifat global. Seterusnya pada tahun 2013, Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC telah dikaji semula dan bagi memastikan kegiatan CSR yang lebih menyeluruh, kami mengedarkannya kepada semua pekerja Kumpulan LINTEC.

Selain itu, sebagai langkah bagi tema penting 'Penghasilan produk baharu yang menyokong era seterusnya', kami juga mengadakan perjumpaan sosial CSR untuk melaksanakan CSR yang agresif melalui perniagaan utama. Selepas ini, kami merancang untuk mengadakan bengkel yang membawa kepada aktiviti CSR yang lebih terperinci.

### Polisi utama

Mengembalikan pertumbuhan dengan pengurusan agresif dan inovasi berterusan

- 1 **Memacukan perkembangan global**
  - Perluasan perniagaan luar negara terutamanya di kawasan asia tenggara
  - Pembinaan asas persediaan untuk negara yang masih belum diceburi
- 2 **Penghasilan produk baharu yang menyokong era seterusnya**
  - Pembukaan pasaran serta permintaan baru melalui penghasilan produk baharu
  - Pengukuhan asas bagi penyelidikan dan pembangunan untuk penghasilan produk baharu
- 3 **Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama**
  - Pengukuhan daya saing kos
  - Pilihan dan fokus
- 4 **Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik**
  - Menjelaskan sasaran bagi strategi pertumbuhan
  - Mengukuhkan sistem implementasi M&A
- 5 **Pendidikan sumber manusia**
  - Mendapatkan dan mengasuh sumber manusia bersifat global
  - Mengadakan program latihan bagi setiap peringkat dengan berterusan



## Imej Kumpulan LINTEC yang sewajarnya

### -Jalan yang wajar kita lalui- LINTEC WAY

Bagi menyatukan semua pekerja dan memastikan arah yang dituju adalah sama, Kumpulan LINTEC telah memperbaharui isi 'LINTEC WAY' pada tahun 2014.

Bagi persoalan bagaimanakah semangat dan kelakuan yang patut dipunyai oleh pekerja Kumpulan LINTEC supaya sepadan dengan moto 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti', kami telah mendengar dan berbincang dengan pekerja-pekerja serta mendapatkan pendapat luar dan memberikan kami imej yang seharusnya dimiliki oleh para pekerja Kumpulan LINTEC.



### ○ 5 cara memupuk Keikhlasan

#### 1 Sentiasa bersikap jujur

Kami warga LINTEC sentiasa bersikap "jujur" tidak kira situasi. Kejujuran dalam perbuatan tanpa kepura-puraan atau penipuan. Untuk itu, kami tidak pernah lupa berterima kasih dan rasa hormat dalam urusan dengan orang lain. Selain itu, sebagai pembuat produk, kami sentiasa jujur dalam berbicara tentang kualiti.

#### 2 Ketulusan penghubung hati

Kami warga LINTEC sentiasa mempunyai "hati yang sentiasa bersungguh-sungguh". Walaupun dalam era global, kami percaya dengan komunikasi yang tulus dapat menghubungkan hati, merapatkan jarak dan mara ke hadapan.

#### 3 Bersama mencipta kegembiraan

Kami warga LINTEC menghargai ucapan "terima kasih". Ini kerana kami berpendapat bahawa dalam kerja kami, dengan menggembarakan para pemegang syer, kami juga memperoleh benda yang sama nilai.

Oleh itu, kami mara dengan mendengar suara para pelanggan dan masyarakat dan berusaha menyelesaikan kesulitan yang ada.

#### 4 Menjadi orang yang memberi

Kami warga LINTEC tidak lupa semangat "altruism". Kami berusaha sehabis baik untuk membawa kegembiraan terhadap mereka semua yang dikelilingi setiap seorang yang tekun bekerja. Kami percaya ini akan dapat membantu mengekalkan pengembangan syarikat.

\* altruism ialah sifat mengutamakan "kebaikan orang lain".

#### 5 Menghargai keluarga dan rakan

Kami warga LINTEC mementingkan "keharmonian". Bekerja dalam suasana saling percaya menjadikan pekerjaan lebih bermakna dan dapat melahirkan kestabilan dan kemajuan. Bukan sahaja terhadap pekerja, malah kami bertimbang rasa dalam berhubung bersama keluarga dan pembekal, seterusnya membina ruang di mana pekerjaan dapat dilakukan dengan bersemangat apabila para pekerja berasa bangga dan terjamin.

### ○ 5 cara memupuk Kreativiti

#### 1 Kekal tabah hingga berjaya

Kami warga LINTEC sentiasa mengambil cabaran untuk terus "berevolusi". Kami sedar bahawa kejayaan dipengaruhi oleh ketabahan, oleh itu kami tetap meneruskan sesuatu perkara hinggalah ke butiranannya. Kami juga menikmati sepanjang proses tersebut dan dengan sifat ingin tahu dan keghairahan yang tidak pernah luak, kami menghubungkan ke arah impian-impian rakyat dunia.

#### 2 Berbangga dengan keunikan

Kami warga LINTEC tidak lekang daripada "sudut pandangan kreatif". Dengan cara yang tidak dapat ditiru oleh mana-mana syarikat lain, kami berperanan melahirkan nilai dan pasaran baru, dan kami percaya di situlah kekuatan kami. Dengan mencabar bidang yang masih belum diterokai, kami menyampaikan ketakjuban kepada dunia.

#### 3 Fleksibel dengan perubahan

Kami warga LINTEC sentiasa bergerak seiring "perubahan era". Kami berpendapat bahawa tidak mengikut perubahan akan memberi risiko yang besar, maka kami bertindak fleksibel mengikut perubahan masa dan keadaan sekeliling. Bukan itu sahaja, malah kami memberanikan diri untuk menimbulkan perubahan dan membuka pasaran baru yang kami boleh unggul dan memenuhi keperluan generasi seterusnya.

#### 4 Berfikir dari pandangan bumi

Kami warga LINTEC bertindak secara "global". Kami menyumbang dari segi teknologi dalam skala sedunia sambil melakukan aktiviti dalam kawasan setempat sekaligus menggiatkan aktiviti masyarakat. Kami juga sentiasa prihatin terhadap alam sekitar dan tidak pernah lupa akan peranan kami sebagai penduduk bumi.

#### 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

Kami warga LINTEC meletakkan "perhubungan" sebagai nilai penting. Kami berusaha gigih dalam menyerap ilmu dan teknologi bertaraf tinggi dan mengasahnya. Bukan dalam syarikat sahaja, malah kami memperbanyakkan komunikasi merentasi sempadan negara dan meneroka segala kemungkinan untuk mencipta nilai baharu.

# Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan Lintec berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan Lintec dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut dipraktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.


## Semakan garis panduan pematuhan

Pekerja Kumpulan LINTEC sentiasa mempunyai bersama mereka buku kecil yang mengandungi garis panduan pematuhan dan bertindak mengikut panduan tersebut dalam apa jua situasi. Pada tahun 2013, bagi menjadikan garis panduan pematuhan bersifat global, sebahagian perkara telah dikaji semula berpandukan garis panduan oleh 'The United Nations Global Compact', ISO26000 dan 'Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi' (OECD), dan garis panduan pematuhan telah disemak pada April 2014.

Selain itu, garis panduan pematuhan yang diperbaharui ini turut disekalikan dengan 'LINTEC WAY' dan diperkembang kepada pelbagai bahasa supaya dapat disebarkan kepada semua pekerja di seluruh dunia. Tambahan lagi, di beberapa pusat dalam Jepun, kini seminar secara bersiri diadakan dan seterusnya perluasan pusat ke luar negara juga dirancang.



Belajar di Institut



## Kajian global berkenaan hak asasi manusia dan buruh

Kumpulan LINTEC telah mengadakan tinjauan berkaitan hal semasa hak asasi dan buruh pada Januari hingga Februari 2014 meliputi seluruh syarikat dalam Kumpulan LINTEC. Laporan tinjauan menunjukkan semua undang-undang negara, kawasan malah peraturan dalam Kumpulan LINTEC sendiri semuanya difahami, dan menghormati segala hak asasi manusia serta memelihara keselamatan, kesihatan, persekitaran para pekerja. Tinjauan ini akan dilakukan sekali setahun dan sistem ini akan terus diperbaiki.

## CSR dalam pemerolehan

Kumpulan LINTEC mempunyai 'Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC' dan menyeru semua pembekal dalam setiap cara untuk menjalankan CSR yang merangkumi sudut hak asasi manusia, keselamatan dan kebersihan pekerja, penjagaan kualiti dan keselamatan, keselamatan sekuriti, etika perniagaan dan lain-lain. Pada tahun 2013, kami telah menjalankan soal selidik dengan pembekal, daripada 500 pembekal bahan mentah, kami menyerahkan borang kepada 49 pembekal dengan amaun transaksi tertinggi, dan kesemua 49 menjawab. Mereka mengakui 13 perkara termasuklah menghormati hak asasi manusia, larangan buruh kanak-kanak dan buruh paksa.

Kami akan meneruskan soal selidik bagi mendapatkan situasi sebenar dan berpandukan hasil yang kami dapati, kami akan memperbaiki sistem pemerolehan.

Jumlah pembekal

**2,794** syarikat

## Pendirian terhadap mineral konflik

LINTEC sedar bahawa 'mineral konflik' yang diambil dari lombong di mana keuntungannya pergi kepada pasukan bersenjata merupakan masalah besar dalam masyarakat, dan memeriksa penggunaan mineral mentah dari 'mineral konflik' dan memastikan sama bahan mentah dari sumber tersebut digunakan atau tidak dalam syarikat. Kami mengurus pemerolehan supaya 'mineral konflik' ini tidak digunakan.

## Suara 01

### Mengalakkan kegiatan melalui 'CSR Working Group'

Daniel MacKay, Ketua Jabatan Guaman, MADICO, INC.

Saya amat gembira untuk mengetahui 'CSR Working Group' yang dibentuk bersama pekerja di Woburn, Massachusetts dan di St. Petersburg, Florida. Pasukan ini bermatlamat untuk mendapat ISO26000 pada tahun 2014 dengan tujuan korporat, pentadbiran, latihan etika, pematuhan, risiko pengurusan, alam sekitar, kesihatan, keselamatan, jualbeli, hal ehwal kakitangan, buruh dan khidmat

masyarakat. Matlamat ini juga mengandungi usaha untuk biodiversiti dan pasukan kemajuan telahpun ditubuhkan. Saya amat teruja untuk memperbaiki bidang-bidang tersebut dan juga berkongsi apa yang saya telah pelajari di Kumpulan LINTEC.




## Menghormati hak asasi dan kepelbagaian manusia

Di Kumpulan LINTEC, semua pekerja bertindak di bawah moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Demi memastikan setiap pekerja dapat bekerja dengan bermakna dan adil, kami tidak melakukan diskriminasi meliputi dari sebab kaum, kenegaraan, jantina, agama, kepercayaan,

umur dan lain-lain bagi menghormati diversiti oleh setiap individu\*. Selain itu, Kumpulan LINTEC menyertai 'UN Global Compact' yang melarang buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Kami harap untuk terus berkembang dengan setiap pekerja mengiktiraf satu sama lain.

### Status pengambilan pekerja

#### Jumlah pekerja mengikut jantina



\*Skop: Pekerja di bawah semua syarikat bawah Kumpulan LINTEC (luar negara : data pada 31 Disember 2013, dalam Jepun : data pada 31 Mac 2014)

\*Skop bagi tulisan hitam: LINTEC CORPORATION (data pada 31 Mac 2014)

### Peratus pekerja yang diambil di negara luar Jepun

# 95%

#### Nisbah pekerja yang diambil di luar Jepun



\*Skop: 10 kumpulan syarikat di luar Jepun (mulai 31hb Disember 2013)

\*Pekerja Jepun yang diambil bekerja di tempat sendiri termasuk dalam jumlah pekerja tempatan

\*Pekerja-pekerja Jepun menunjukkan pekerja-pekerja yang dipindahkan dari Jepun

## Suara 02

### Pembuatan produk yang melahirkan kegembiraan

Lim Eng Sneah, Ketua Kawalan Kualiti, Unit Teknikal, LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dengan lebih lagi, kami telah menubuhkan pasukan untuk mengusahakan menaikkan kualiti produk dan memperbaiki pelan kelangsungan syarikat. Setiap bulan, kami berbincang isu masalah kualiti berkaitan produk dan proses diikuti cara-cara untuk mengatasinya. Tambahan lagi, kami memastikan

keberkesanan langkah menghadapi serta pencegahan daripada didakwa. Slogan "Bersama mencipta produk yang menggembirakan" merupakan matlamat dan komitmen kami.



## Suara 03

### Menyiapkan diri dengan pengetahuan dilengkapi pengalaman baru

Zeeroh Madsa-i, Ketua Bahagian Keselamatan, LINTEC (THAILAND) CO., LTD

Di LINTEC (THAILAND) CO., LTD, kami telah melaksanakan latihan kecemasan bersama anggota bomba pada 15 November 2013. Sebelah pagi merupakan seminar yang merangkumi cara memadamkan api mengikut jenis, manakala di waktu petang latihan kecemasan dijalankan dengan menggunakan pemadam api serta hos air diikuti

latihan evakuasi ketika bencana. Evakuasi berjaya dilakukan sepenuhnya dalam masa 5 minit. Latihan mengusung orang ke hospital juga dijalankan. Pada tahun ini sahaja, latihan evakuasi telah dijalankan sebanyak 4 kali.



\* Menghormati perbezaan: Dengan menghormati perbezaan antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

# Kegiatan-kegiatan CSR

## Suara 04

### Aktiviti khidmat masyarakat di Korea Selatan

Seung Dong Uk, Ketua Unit Kawalan Pengeluaran, LINTEC KOREA, INC

Pada November 2011, LINTEC KOREA, INC, dan badan sukarela 'Onshinkai' sebagai pusat aktiviti kami telah bersama-sama menjayakan 'Kimjang' bagi memberikan *kimchi* kepada warga tua yang tinggal berseorangan. 'Kimjang' ialah satu budaya yang telahpun diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan budaya dunia di mana keluarga dan saudara-mara berkumpul untuk

membuat *kimchi*. Dalam tempoh dua hari, kami berjaya membuat *kimchi* yang boleh dimakan oleh 50 rumah buat masa setahun (dalam 500 kobis digunakan). Kami gembira kerana berjaya menyumbang kepada masyarakat dengan budaya tradisional. Kami ingin meneruskan aktiviti begini lagi di masa hadapan.



## Suara 05

### Khidmat masyarakat di Holland

Kazuhiro KUSAKARI, Pengurus Besar, LINTEC EUROPE B.V.

Di pinggir bandar Amsterdam, Holland, terdapat 80,000 warga tua yang hidup sebatang kara dan menyambut hari cuti serta perayaan seorang diri. Yayasan 'Enma Foundation' melawat mereka di rumah-rumah mereka dan menjadi teman berbual, membeli barangan dan merancang acara-acara, menghantar bunga dan banyak lagi aktiviti amal. LINTEC EUROPE B.V. menyokong

aktiviti ini dan menjadi penaja serta menyalurkan derma sebagai sebahagian daripada khidmat masyarakat tempatan kami.



## Polisi Kualiti, Alam Sekitar dan Kesenambungan Perniagaan Kumpulan LINTEC

Kumpulan LINTEC telah menambah elemen 'kesinambungan perniagaan' dalam 'Polisi Kualiti dan Alam Sekitar' sebelum ini menjadi 'Polisi Kualiti, Alam Sekitar dan Kesenambungan Perniagaan' yang baharu. Berdasarkan polisi ini, pengeluaran tenaga dan nilai pengeluaran karbon dioksida telah ditetapkan dan sebagainya bagi skop alam sekitar yang memberikan matlamat lebih jelas dalam aktiviti pemeliharaan alam sekitar.

## Pengiktirafan Integrasi Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan LINTEC sedang meneruskan untuk mendapatkan pensijilan ISO14001\*1. LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD pada September 2013 dan LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. pada Mac 2014 menjadikan 9 syarikat luar negara telah lengkap bersepadu. Dengan ini, 10 kilang dalam Jepun, pusat penyelidikan dan TOKYO LINTEC KAKO, INC. kesemuanya telah menjadi 22 tapak. Berikutnya, seluruh Kumpulan bersatu untuk pemeliharaan alam sekitar dan kini terus ke arah pengiktirafan integrasi global ISO14001.

## Suara 06

### Langkah mengatasi pemanasan global dari perkara di sekeliling kita

Jiang Dewei, Unit Kejuruteraan, Bahagian Eksekutif, LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. menjalankan aktiviti pemeliharaan alam sekitar dengan pematuhan peraturan, penjimatan elektrik, peningkatan efisiensi penggunaan semula sisa buangan kilang, pengurangan penggunaan kertas dan sebagainya. Secara terperinci, suhu pernghawa dingin diselaraskan kepada 26.5~28°C, menampal poster

menggalakkan penjimatan elektrik dan banyak lagi. Kami terus berusaha untuk mengurangkan pemanasan global dengan aktiviti yang berpanjangan dan dengan segalanya yang mampu di sekeliling kami.



\*1 Pengiktirafan integrasi global ISO14001: pengiktirafan ISO14001 dengan penggabungan beberapa kawasan perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi tunggal.


## Aktiviti pemeliharaan alam sekitar oleh 12 Syarikat Kumpulan di luar negara

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, setiap syarikat di luar negara digalakkan untuk menggiatkan aktiviti pemeliharaan alam sekitar.


**Data Prestasi Alam Sekitar** Data prestasi alam sekitar bagi 12 syarikat di luar negara adalah seperti berikut

■ Tahun 2013 (tempoh kiraan: 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013) ■ Tahun 2012 (tempoh kiraan: 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012)


### Pengeluaran VOC



### Jumlah penggunaan elektrik



### Jumlah penggunaan bahan api (diesel/gas asli) (unit: Crude Oil Equivalent, COE)



- Peringatan: 1. VOC (volatile organic compound) termasuklah toluene, methyl ethyl ketone  
 2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimatan Tenaga  
 3. LSFT: LIITEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC LATT: LIITEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LIITEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

### LIITEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Daerah Suzhou Baharu, Jiangsu, China  
 Jumlah pekerja: 206 orang  
 Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Bagi menghadapi kenaikan penggunaan elektrik apabila siapnya bangunan kilang 2, kami telah meletakkan mesin pengawalan elektrik bangunan 2 di dalam bilik pengagihan elektrik di bangunan 1. Dengan memerhatikan penggunaan setiap satu, pengawalan elektrik dapat dipertingkatkan dan menyumbang kepada penjimatan elektrik.



Skrin kawalan mesin pengawalan elektrik

Zhang Zudong  
 Bahagian Kejuruteraan



### LIITEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Lokasi: Daerah Nankai, Tianjin, China  
 Jumlah pekerja: 91 orang  
 Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Kami menjalankan pelbagai aktiviti penjimatan elektrik seperti menukar lampu kepada lampu LED. Selain itu, bagi menerapkan konsep pengurusan CSR Kumpulan LIITEC kepada semua pekerja, seminar tentang 'Polisi Media Sosial\*<sup>2</sup>' telah diadakan pada September 2013.



Pencahaya LED dalam premis syarikat

Jia Jun  
 Bahagian Hal Ehwal Kakitangan dan Sumber Manusia



### LIITEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Kawasan Pembangunan Ekonomi dan Teknologi Kebangsaan, Daerah Xiqing, Tianjin, China  
 Jumlah pekerja: 104 orang  
 Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada November 2013, seminar yang melibatkan para pekerja bertopikkan biodiversiti telah diadakan. Kami mempelajari tentang flora dan fauna di China serta kaitannya dengan manusia, dan menjadi pencetus yang baik ke arah kesedaran alam sekitar.



Seminar biodiversiti

Zhang Kun  
 Pejabat kawalan mutu



### LIITEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Shanhu, Tainan, Taiwan  
 Jumlah pekerja: 96 orang  
 Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Sewaktu mesin pemroses gas terhenti, gas asli digunakan untuk mengekalkan suhu tinggi di dalam relau. Walau bagaimanapun, dengan menyelaras mod pemasa jimat elektrik, memerhati penggunaan bahan api dan penyenggaraan sewajarnya, bersamaan 41 kℓ minyak mentah yang berjaya dijimatkan berbanding pada tahun 2012.



Rupa luaran mesin pemroses gas

Cai Qingxiang  
 Unit Hal Ehwal



\*2 Polisi Media Sosial : Garis panduan menggunakan khidmat rangkaian sosial (SNS) seperti Facebook, Twitter dsb.

## LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan  
Jumlah pekerja: 67 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Mac 2014, LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. telah mendapat pensijilan ISO14001.

Berikutan ini, kami merancang untuk menambahkan kesedaran para pekerja dan berusaha menjimatkan sumber tenaga dengan mengurangkan penggunaan.



Seminar yang dihadiri pemeriksa dalam daripada setiap jabatan.

Jiang Dewei  
Unit Kejuruteraan  
Bahagian Eksekutif



## LINTEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheon, Korea  
Jumlah pekerja: 71 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Oktober 2013, sebagai sebahagian daripada aktiviti pemeliharaan biodiversiti, 20 orang pekerja berkumpul di taman berhampiran dan melakukan gotong-royong. Selepas ini, kami akan terus mengadakan aktiviti pemeliharaan dan pendidikan alam sekitar dan meningkatkan kesedaran ini dalam setiap pekerja.



Aktiviti gotong-royong di taman berhampiran

Kim Jin-Hee  
Bahagian Penghasilan



## LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Pyeongtek, Geonggi, Korea  
Jumlah pekerja: 123 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Sejak Jun 2013, kami telah menukar cara pembuangan sisa cecair dan menjadikannya bahan bakar. Dengan usaha ini, kadar kitar semula sisa buangan industri meningkat dan mengurangkan pengeluaran gas karbon dioksida.



Penukaran sisa kepada bahan bakar

Baek Dongguk  
Unit Keselamatan  
Alam Sekitar



## PT. LINTEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Jawa Barat, Indonesia  
Jumlah pekerja: 330 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada Disember 2013, terdapat pekerja menghadiri kelas yang diadakan badan luar tentang pemeliharaan biodiversiti. Selepas itu, pekerja tersebut menjadi penceramah dalam seminar yang dihadiri oleh semua pekerja syarikat. Berdasarkan pengetahuan yang didapati kali ini, kami berhasrat untuk meneruskan aktiviti pemeliharaan alam sekitar dengan lebih terperinci.



Seminar Biodiversiti

Ketut  
Bahagian Alam Sekitar  
dan Keselamatan



## LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia  
Jumlah pekerja: 93 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pada Mei 2013, bagi menyalakan semangat kitar semula, kami mengadakan seminar untuk pekerja-pekerja di mana mereka mempelajari bagaimana membuat sabun daripada minyak masak terguna. Kami akan terus menggunakan topik di sekeliling kami dan meningkatkan kesedaran para pekerja terhadap alam sekitar ke arah pemeliharaan alam sekitar.



Seminar membuat sabun kitar semula

Siti Hidayah Binti Ayob  
Bahagian Penghasilan



## LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.


Lokasi: Kuching, Sarawak, Malaysia  
Jumlah pekerja: 26 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD telah mendapat pensijilan ISO14001 pada September 2013. Kami akan terus mempertingkatkan usaha ke arah pemeliharaan alam sekitar sambil melakukan tugas harian.



Gambar kenangan ketika pensijilan ISO14001

Christina Teo  
Bahagian Eksekutif  
dan Kewangan



## LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Cyberhub, Singapura  
Jumlah pekerja: 85 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

LINTEC SINGAPORE sudahpun melaksanakan kegiatan kitar semula kertas sebelum mendapat pensijilan ISO14001, dan pada tahun 2013, kegiatan ini dilakukan dengan penuh kerjasama oleh setiap jabatan dan sebolehnya setiap individu. Kami akan meneruskan kegiatan ini sambil bersifat lebih mesra alam sekitar



Kotak penyusun kertas terpakai

Cindy Soh  
Bahagian Sumber Manusia



## MADICO, INC.

Lokasi: Woburn, Massachusetts  
Jumlah pekerja: 272 orang  
Bisnis utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran  
MADICO, Inc. menjalankan aktiviti program kitar semula barangan pembungkusan untuk pemeliharaan alam sekitar telah diakui dan telah menerima anugerah platinum daripada pembekal ternama. Pada tahun 2013, 113 ton barangan pembungkusan seperti palet, palam hujung, teras dan sebagainya telah dikitar semula dan meningkatkan semangat mesra alam sekitar.



Ahli pasukan yang terlibat

# Pendapat Pihak Ketiga

## Hiroyuki Tada

JAPAN FOR SUSTAINABILITY

Ketua Pengarah NPO, Japan for Sustainability, profesor pelawat di Universiti Hosei, profesor di Sekolah Siswazah Pengajian Alam Sekitar di Universiti Tohoku, dan ahli jawatankuasa di berbagai agensi kerajaan.



Saya berpeluang untuk melihat secara teliti Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2014 sambil membandingkannya dengan laporan-laporan dari beberapa tahun lepas. Tahun ini memperlihatkan jawatan tertinggi bertukar tangan yang telah menjadi satu perubahan besar, namun apabila saya membacanya di mana Presiden baharu Nishio telah berkata, "Saya sekali lagi merasakan kegiatan CSR perlu kekal sebagai asas sesebuah pengurusan", saya tahu bahawa CSR syarikat ini sekali-kali tidak akan goyah.

Keistimewaan CSR LINTEC ialah bagaimana ia diletakkan sebagai teras pelan pengurusan jangka sederhana digerakkan dalam strategi pengurusan, seiring dengan penekanan pengurusan CSR hingga ke butirnya, LINTEC WAY yang mengandungi 10 nilai penting ditegaskan, konsep ini yang bermula dari tindakan kecil kepada konsep yang besar menjadikan CSR lebih giat, dan saya rasa ini adalah sangat bernas.

BCMS dan khidmat masyarakat, dua rencana ini sangat menarik perhatian saya, usaha yang dijalankan dengan lurus dan tepat, kandungan rencana tersebut memperlihatkan tenaga asas syarikat ini

iaitu kesinambungan usaha yang tidak selalu dipandang orang.

Berkenaan pelan jangka sederhana baru: LIP-2016, kepentingan isu 'perkembangan global' dan 'penghasilan produk baharu yang inovatif' telah dipetik dari awal lagi, dan kemudiannya diceritakan bagaimana sumbangan dapat diberikan dengan terperinci, dari sini saya dapat katakan CSR LINTEC adalah berada di tahap genting.

Seperti yang dapat difikirkan, bagi tema 'perkembangan global', memperkukuhkan tadbir urus korporat dalam peringkat seluruh syarikat amat perlu, walau bagaimanapun apa yang hanya ditunjukkan pada rajah seperti kekurangan sesuatu. Tadbir urus dipacak oleh tiga tiang ESG (Alam sekitar, Masyarakat, Tadbir urus), bagi saya, saya hendak lihat bagaimana tadbir urus global yang mereka bentuk.

Seterusnya, bagi tema 'penghasilan produk baharu yang inovatif', juga boleh dikatakan sebagai persaingan teras, yang juga talian hayat bagi perniagaan, namun saya rasa perlu ditunjukkan strategi yang jelas bagaimana ia berkait rapat dengan CSR. Saya setakat ini tidak pernah merujuk kepada falsafah pengurusan syarikat ini 'Demi esok, kita bina hari ini, tetapi saya perlu katakan, di sini perlu dikaitkan dengan moto 'Kreativiti' dan sebaiknya hidupkan konsep ini.

Perlu untuk mengkaji semula 6 asas CSR. Masukkan elemen tadbir urus seperti yang saya telah nyatakan sebelum ini. Saya berpendapat keselamatan, pencegahan bencana, kesihatan adalah konsep yang sempit, luaskan kepada ES (Kepuasan pekerja) yang lebih bermakna. Selepas itu, saya ingin mereka nyatakan di akhirnya bagaimana semua ini mungkin sukar untuk direalisasikan.

## Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kami telah menerima kata-kata nasihat daripada En. Tada dari Laporan CSR 2012 lagi. Dalam Laporan CSR 2013, saya berterima kasih apabila beliau mendekati moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Kata-kata nasihat ini menjadi penggalak dan semangat bagi saya meneruskan pengurusan CSR. LINTEC WAY yang baru disusun pada tahun 2014 menunjukkan nilai-nilai yang patut dipegang bersama oleh semua pekerja kumpulan bagi meneruskan perkembangan syarikat. Setiap satunya perlu dilihat semula bagi memastikan ia ada dalam diri. Kami merancang untuk mengadakan seminar CSR menerapkan nilai-nilai ini.

Seperti yang dikatakan, 'Perkembangan global' dan 'penghasilan produk baharu yang inovatif' merupakan dua tema yang terpenting. Tadbir urus dalam perkembangan global, kami sedang berusaha menubuhkan syarikat yang integrasi untuk negara di Asia Tenggara, dan memperkasakan sistem tadbir urus ini. Berkenaan penghasilan

produk baharu, majlis sosial CSR yang telah bermula sejak tahun 2012 akan dimajukan lagi, dan bagi menyelesaikan masalah masyarakat, kami mengadakan bengkel untuk menjadikan CSR ini lebih agresif.

Tentang kaji semula asas CSR, rancangan pengenalpastian materialiti (Kepentingan alam sekitar, masyarakat, tadbir urus) dilakukan pada pertengahan 2014 dan berkait rapat dengan penilaian yang mengandungi perkara yang ditunjuk pada laporan 2013.

CSR akan terus menjadi asas kepada pengurusan dan syarikat ini bermatlamat untuk menjadi syarikat yang berjaya berterusan untuk berkembang di sisi masyarakat.

Hiroyuki Nishio  
President and CEO

### Nota Editor

Dalam ucapan, moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti' merupakan titik permulaan yang menyentuh semangat membina ruang bisnes baharu untuk memenuhi harapan masyarakat. Rencana 1 memperkenalkan pembentukan BCMS-K dan aliran bagaimana pergerakan daripada setiap pusat menjadi satu struktur yang lengkap.

Perancangan BCMS untuk penerapan seterusnya sudahpun berjalan. Rencana 2 turut memperkenalkan khidmat masyarakat yang berasal dari kawasan tempatan. Perbualan dengan pemegang amanah harta berjalan sambil meneruskan kegiatan CSR yang bermatlamat untuk menyelesaikan masalah masyarakat.



Ahli-ahli projek penerbitan 'Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2014'